

Syarat-syarat kelayakan untuk memohon rumah **selangorku**

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas;
- Pendapatan minimum bagi permohonan Rumah Selangorku Jenis B, C dan D ditetapkan **RM3001.00 sebulan**;
- Pendapatan isi rumah (suami dan isteri) **tidak melebihi** RM3,000-00 sebulan sahaja dibenarkan permohonan Jenis A manakala pendapatan isi rumah melebihi RM 3,001-00 sebulan sehingga RM10,000 sebulan dibenarkan permohonan Jenis B, C dan D;
- Sekiranya pendapatan isi rumah tidak melebihi RM 3,000-00 sebulan adalah dibenarkan juga membuat pilihan Jenis B, C atau D. Bagi pendapatan isi rumah melebihi RM 3,001-00 sebulan, permohonan Jenis A tidak dibenarkan;
- Pemohon hanya dibenarkan membuat pilihan **1** jenis rumah sahaja sama ada jenis A, B, C, atau D semasa membuat permohonan
- Pemohon atau pasangan **belum memiliki rumah** sama ada melalui projek kerajaan atau swasta di **Selangor**;
- **Permohonan pindahmilik** hanya dibenarkan **selepas 5 tahun** dari Perjanjian Jual-Beli dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri ;
- Pembelian rumah untuk didiami dan bukan untuk disewa.
- **Tempoh sah laku** bagi setiap permohonan yang didaftarkan adalah selama **2 tahun**. Selepas tempoh tersebut data permohonan yang masih **SENARAI MENUNGGU** akan dikeluarkan dari sistem dan pemohon perlu membuat permohonan baru sekiranya masih berminat untuk memohon RUMAH SELANGORKU

**** *Pemilihan pemohon adalah berdasarkan merit pemohon dengan diberikan keutamaan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) / Warga Emas / Ibu Tunggal / Golongan Asnaf / Penjawat Awam / Pesara Kerajaan termasuk tentera dan polis, / Berkahwin / Jumlah Tanggungan dan Pendapatan pemohon berdasarkan jenis rumah dipohon. Namun, pemilihan pemohon masih tertakluk kepada jumlah keseluruhan merit pemohon dan tidak tertakluk kepada salah satu syarat kelayakan sahaja yang membolehkan pemohon layak ditawarkan.*